

Projek pembangunan selamatkan martabat Islam

Oleh MOHD.
SHAHAR AKASHAH

KUALA TERENGGANU
10 April — Perdana Menteri menegaskan bahawa segala projek pembangunan yang dilaksanakan adalah untuk menyelamatkan martabat Islam, bukannya kerana kebanggaan.

Pelaksanaannya bertujuan untuk menyelamatkan martabat agama Islam yang sekaligus dapat mempertahankan bangsa, agama dan negara daripada terus dihina, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Menurut beliau, tanpa pembangunan, agama Islam akan dipandang hina, bukan disebabkan oleh agama itu sendiri tetapi kerana penganutnya yang akan menjadi golongan yang sering meminta-minta.

Oleh itu, beliau berkata, dalam menghayati ajaran Islam, penganut tidak seharusnya tertumpu kepada bidang agama sahaja dengan mengeneipkan pendidikan lain umpamanya sains dan matematik yang sering disifatkan sebagai pendidikan sekular.

"Kita sepatutnya belajar ilmu-ilmu lain kerana agama Islam tidak pernah menghalang kita belajar ilmu seperti pentadbiran, politik, pengurusan ekonomi serta ilmu pembuatan peralatan canggih," tambahnya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap di majlis penutupan Seminar Islam dan Pembangunan negeri Terengganu bertajuk Islam dan Wawasan 2020: *Ke Arah Peningkatan Kualiti Ummah* di Dewan Konvensyen, Wisma Darul Iman di sini petang ini.

Lebih 300 peserta yang terdiri daripada kakitangan jabatan dan agensi kerajaan menghadiri seminar dua hari yang bermula semalam.

Dr. Mahathir menegaskan, apabila semua umat Islam mempunyai pelbagai ilmu maka mereka boleh membangunkan negara yang sekaligus mempertahankan kemuliaan agama Islam.

Selain itu tegasnya, agama Islam juga tidak akan dihormati jika umatnya sering bermusuhan sesama sendiri.

"Jadi apalah guna kita angkuh dengan membuat perhitungan mengenai keislaman diri sendiri yang didakwa lebih tinggi daripada orang lain.

"Apalah salahnya kita duduk sama-sama dan mengadakan perbincangan untuk membangunkan bangsa dan agama Islam agar dipandang mulia oleh penganut agama lain," ujarnya.

Dalam sidang akhbar di akhir lawatannya, Perdana Menteri melahirkan rasa puas hatinya dengan perkembangan projek-projek pembangunan semula dan pelancongan di bandar Kuala Terengganu.

Malahan beliau menyifatkan projek berkenaan berpotensi untuk berkembang pesat seperti projek pelancongan di pantai dan pulau-pulau di negeri ini.